

# Muzium Tentera Darat kenang pejuang

Simpan maklumat zaman penjajahan sehingga era kemerdekaan negara

H M 2317/08 M/S 2

>>Oleh Muhd Izwan Baharin

**P**ANTAI Padang Pak Amat, Kelantan selepas tengah malam, 8 Disember 1941, tiba-tiba kucar-kacir dengan bunyi tembakan bertali arus, kira-kira sejam sebelum Pearl Harbor di Hawaii musnah diserang tentera Jepun.


Dalam gelombang awal serangan, jumlah tentera Jepun terkorban amat tinggi, namun seperti dirasuk, mereka terus mara tanpa mempedulikan tentangan tentera British.

Ini menyebabkan askar British terpaksa berundur manakala tentera Jepun mula bergerak dan menawan lapangan terbang Kota Bharu ketika Hong Kong, Singapura dan Pearl Harbor menerima serangan udara.

Pertempuran itu melakar sejarah sebagai detik rasmi permulaan Perang Pasifik serta bermulanya penaklukan Jepun di Tanah Melayu.

Itu sebahagian daripada rentetan sejarah hitam yang memberi pengaruh besar kepada negara kita.

Oleh itu, apa kata sempena ulang tahun hari kemerdekaan ke-51 negara tahun ini, kita menjadikan Muzium Tentera Darat sebagai lokasi lawatan wajib.



**SEJARAH...**kereta api yang membawa Yang di-Pertuan Agong pertama dari Kuala Lumpur ke Seremban dipamerkan di Muzium Tentera Darat.

Ini kerana generasi pasca merdeka sukar menyelami pahit jerih dan memahami semangat perjuangan mengembalikan kedaulatan negara.

Baru-baru ini, Muzium Tentera Darat dikunjungi Menteri Pelancongan, Datuk Seri Azalina Othman Said dalam rangka lawatan mempromosikan produk pelancongan tempatan melalui kempen Zoom!Malaysia.

Timbalan Pengarah Muzium Tentera Darat, Mejar Mohamad Mohamad, berkata dengan berslogankan 'Wadah Warisan Perjuangan' pengunjung dapat menghayati perjuangan wira negara.

"Selain pelawat tempatan, kami juga menerima kunjungan pelancong Taiwan, Korea Selatan dan China. Kebanyakan pelancong di kalangan mereka yang menginap di hotel sekitar Port Dickson.

"Ini kerana hotel di sekitar Port Dickson turut menyelitkan


lawatan ke Muzium Tentera Darat dalam pakej yang mereka tawarkan," katanya.

Menurutnya, pengunjung berkumpul yang menghantar surat untuk mengadakan lawatan ke muzium itu akan diberikan taklimat sepanjang kunjungan itu.

Muzium Tentera Darat yang berkeluasan 2.7 hektar terdiri daripada dua blok bangunan iaitu A dan B dengan setiap blok membabitkan empat galeri.

Di blok A, pengunjung akan mendapat maklumat mengenai Tentera Darat sepintas lalu diikuti Era Kesultanan Melaka, Era Portugis dan Belanda, Era British di Tanah Melayu, Era Penuhuan Askar Melayu.

Blok B pula membawa pengunjung menghayati Era Pra Kemerdekaan, Era Kemerdekaan, Tentera Darat Hari Ini dan Sumbangan Tentera Darat.



**BERJASA...** Azalina mencuba motosikal yang pernah digunakan anggota tentera

## >Info

### WAKTU LAWATAN

Rabu hingga Ahad  
(10 pagi hingga  
5 petang)

### ALAMAT

Muzium Tentera Darat,  
Kem Sirusa, 71050  
Port Dickson,  
Negeri Sembilan

### TELEFON

06-6409481/82/84/  
86/88

### FAKSIMILI

06-6462359/  
6464263

### LAMAN WEB

[www.armymuseumpd.gov.my](http://www.armymuseumpd.gov.my)